

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 07.11.2016

SOALAN :

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah guru duka lara yang telah dipindahkan setakat hari ini dan berapa jumlah guru yang masih belum dapat penempatan mengajar di sekolah-sekolah baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan dan pertukaran guru berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan. KPM juga memberi keutamaan dan berusaha menyelesaikan masalah pasangan guru yang terpaksa tinggal berasingan. Sehingga Julai 2016 KPM telah meluluskan 4,267 permohonan pertukaran daripada guru 'duka lara' mengikut pasangan iaitu 1,921 guru sekolah menengah dan 2,343 guru sekolah rendah.

RJM34